


<p><b>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini berserta dengan terma dan syarat di dalam surat tawaran sebelum anda membuat keputusan untuk menerima Produk berikut:</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> Sila tandakan mengikut mana yang berkenaan dalam dokumen ini.</p> <p>Sila hubungi kami untuk sebarang penjelasan lanjut, jika perlu.</p>		 <p>&lt;Nama Produk&gt;</p> <p>Tarikh: &lt;Tarikh Surat Tawaran ditawarkan&gt;</p>
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p>		
<p><input type="checkbox"/> Pinjaman Perumahan/ Pinjaman Kedai Hong Leong</p>	<p>Kemudahan ini dihitung berdasarkan kadar boleh ubah dan anda menawarkan hartanah anda sebagai cagaran kepada Bank.</p> <p>Ia memberi fleksibiliti dari segi pembayaran balik dan juga penjimatan faedah.</p> <p>Apa-apa bayaran lebih selepas menolak bayaran ansuran anda dan sebarang caj yang perlu dibayar, akan dianggap sebagai "Bayaran Pendahuluan".</p> <p>Bayaran Pendahuluan tidak akan dianggap sebagai bayaran terdahulu dan selepas itu akan memberi kesan kepada baki belum jelas untuk tujuan penghitungan faedah. Faedah dihitung ke atas Baki Belum Jelas Layak, iaitu perbezaan antara baki belum jelas pinjaman (termasuk caj) ("Baki Belum Jelas") dengan Bayaran Pendahuluan atau sehingga 30% Baki Belum Jelas, mengikut mana yang lebih rendah.</p> <p>Pengeluaran daripada bayaran lebih di bawah Bayaran Pendahuluan dengan notis bertulis.</p>	
<p><input type="checkbox"/> Pinjaman Perumahan/ Pinjaman Kedai Hong Leong MortgagePlus</p>	<p>Kemudahan ini dihitung berdasarkan kadar boleh ubah dan anda menawarkan hartanah anda sebagai cagaran kepada Bank.</p> <p>Ia memberi fleksibiliti dari segi pembayaran balik dan juga penjimatan faedah dengan cara memautkan akaun pinjaman anda dengan Akaun Semasa MortgagePlus anda.</p> <p>Apa-apa bayaran lebih yang diterima selepas menolak bayaran ansuran anda dan sebarang caj kena bayar, adalah dianggap "Bayaran Pendahuluan"; ia tidak akan dianggap sebagai bayaran terdahulu dan akan memberi kesan kepada baki belum jelas untuk tujuan penghitungan faedah. Faedah dikira atas Baki Belum Jelas Layak, iaitu perbezaan antara baki belum jelas pinjaman (termasuk caj) ("Baki Belum Jelas") dengan hasil campuran Bayaran Pendahuluan dengan baki kredit dalam Akaun Semasa MortgagePlus anda atau sehingga 70% Baki Belum Jelas mengikut mana yang lebih rendah.</p> <p>Anda boleh membayar balik kemudahan ini dan mengeluarkan bayaran lebih di samping ansuran kena bayar anda daripada Akaun Semasa MortgagePlus anda pada bila-bila masa.</p>	
<p><input type="checkbox"/> Pinjaman Perumahan Khas Hong Leong</p>	<p>Kemudahan ini dihitung berdasarkan kadar boleh ubah dan anda menawarkan hartanah anda sebagai cagaran kepada Bank.</p> <p>Kemudahan ini akan diberikan kepada anda apabila anda memenuhi semua kriteria di bawah garis panduan Bank Negara Malaysia mengenai "Pemberian Pinjaman/Pembiayaan kepada Sektor Keutamaan".</p>	

<input type="checkbox"/> Skim Rumah Pertamaku Hong Leong Bank	<p>Kemudahan ini dihitung berdasarkan kadar boleh ubah dan anda menawarkan hartanah anda sebagai cagaran kepada Bank.</p> <p>Kemudahan akan diberikan kepada anda apabila anda memenuhi semua kriteria di bawah Skim Rumah Pertamaku yang ditetapkan oleh Bank dan/atau Cagamas SRP Berhad.</p> <p>Apa-apa bayaran lebih selepas menolak bayaran ansuran anda dan sebarang caj yang perlu dibayar, akan dianggap sebagai “Bayaran Pendahuluan”.</p> <p>Bayaran Pendahuluan tidak akan dianggap sebagai bayaran terdahulu dan selepas itu akan memberi kesan kepada baki belum jelas untuk tujuan penghitungan faedah. Faedah dihitung ke atas Baki Belum Jelas Layak, iaitu perbezaan antara baki belum jelas pinjaman (termasuk caj) (“Baki Belum Jelas”) dengan Bayaran Pendahuluan atau sehingga 30% Baki Belum Jelas, mengikut mana yang lebih rendah.</p> <p>Tiada pengeluaran semula atau penambahan pinjaman akan disediakan untuk kemudahan ini.</p>
---	--

**2. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?**

Kemudahan 1 - <Nama Produk>									
Item	Penerangan								
Jumlah Pembiayaan	RM <Jumlah Pembiayaan>								
Margin Pembiayaan	<_> %								
Tempoh Pembiayaan	<Tempoh Pembiayaan yang diluluskan> bulan								
Kadar Faedah/ Kadar Pinjaman Efektif	<table border="1" data-bbox="662 982 1382 1100"> <thead> <tr> <th data-bbox="662 982 1057 1014">Kadar Faedah</th> <th data-bbox="1057 982 1382 1014">Kadar Pinjaman Efektif</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="662 1014 1057 1045">Tahun 1 :BR + &lt;_&gt;%</td> <td data-bbox="1057 1014 1382 1045">&lt;_&gt;%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="662 1045 1057 1077">Tahun 2 -3 :BR + &lt;_&gt;%</td> <td data-bbox="1057 1045 1382 1077">&lt;_&gt;%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="662 1077 1057 1100">Seterusnya :BR + &lt;_&gt;%</td> <td data-bbox="1057 1077 1382 1100">&lt;_&gt;%</td> </tr> </tbody> </table>	Kadar Faedah	Kadar Pinjaman Efektif	Tahun 1 :BR + <_>%	<_>%	Tahun 2 -3 :BR + <_>%	<_>%	Seterusnya :BR + <_>%	<_>%
Kadar Faedah	Kadar Pinjaman Efektif								
Tahun 1 :BR + <_>%	<_>%								
Tahun 2 -3 :BR + <_>%	<_>%								
Seterusnya :BR + <_>%	<_>%								

Kemudahan 2 - <Nama Produk>									
Item	Penerangan								
Jumlah Pembiayaan	RM <Jumlah Pembiayaan>								
Margin Pembiayaan	<_> %								
Tempoh Pembiayaan	<Tempoh Pembiayaan yang diluluskan> bulan								
Kadar Faedah/ Kadar Pinjaman Efektif	<table border="1" data-bbox="662 1350 1382 1467"> <thead> <tr> <th data-bbox="662 1350 1057 1381">Kadar Faedah</th> <th data-bbox="1057 1350 1382 1381">Kadar Pinjaman Efektif</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="662 1381 1057 1413">Tahun 1 :BR + &lt;_&gt;%</td> <td data-bbox="1057 1381 1382 1413">&lt;_&gt;%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="662 1413 1057 1444">Tahun 2 -3 :BR + &lt;_&gt;%</td> <td data-bbox="1057 1413 1382 1444">&lt;_&gt;%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="662 1444 1057 1467">Seterusnya :BR + &lt;_&gt;%</td> <td data-bbox="1057 1444 1382 1467">&lt;_&gt;%</td> </tr> </tbody> </table>	Kadar Faedah	Kadar Pinjaman Efektif	Tahun 1 :BR + <_>%	<_>%	Tahun 2 -3 :BR + <_>%	<_>%	Seterusnya :BR + <_>%	<_>%
Kadar Faedah	Kadar Pinjaman Efektif								
Tahun 1 :BR + <_>%	<_>%								
Tahun 2 -3 :BR + <_>%	<_>%								
Seterusnya :BR + <_>%	<_>%								

- Overdraf : Atas Permintaan
- Kadar Asas (BR) kini adalah 4.03%.


**3. Apakah itu Kadar Asas (BR)?**

BR yang kami tawarkan bagi produk ini terdiri daripada dua bahagian, penanda aras kos dana (COF) kami dan kos keperluan rizab berkanun (SRR) yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia. Penanda aras COF kami menunjukkan kos penjanaan dana baru dalam situasi lazim pasaran pembiayaan adalah berdasarkan kadar KLIBOR 3 bulan dan deposit pelanggan.

#### 4. Apakah senario yang memungkinkan perubahan dalam BR?

BR kami boleh naik atau turun bergantung kepada perubahan dalam penanda aras COF dan perubahan dalam SRR. Perubahan dalam penanda aras COF boleh berlaku disebabkan oleh perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR) seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia, serta faktor-faktor lain seperti keadaan pasaran pembiayaan, jangkaan kadar faedah pada masa depan dan arah aliran industri deposit.

#### 5. Sejarah Penanda Aras COF sejak Disember 2015.



#### 6. Apakah tanggungjawab saya?

**Penting:** Amaun ansuran bulanan dan jumlah bayaran balik anda akan berubah sekiranya BR berubah.

Kadar	Hari ini (BR = <_>%)	Jika BR meningkat 1%	Jika BR meningkat 2%
<b>Kemudahan 1 - &lt;Nama Produk&gt;</b>			
Ansuran bulanan	RM <xx>	RM <aa>	RM <dd>
Jumlah kos faedah pada akhir <Tempoh Pembiayaan> bulan	RM <yy>	RM <bb>	RM <ee>
Jumlah Pembayaran pada akhir <Tempoh Pembiayaan> bulan	RM <zz>	RM <cc>	RM <ff>
<b>Kemudahan 2 - &lt;Nama Produk&gt;</b>			
Ansuran bulanan	RM <xx>	RM <aa>	RM <dd>
Jumlah kos faedah pada akhir <Tempoh Pembiayaan> bulan	RM <yy>	RM <bb>	RM <ee>
Jumlah Pembayaran pada akhir <Tempoh Pembiayaan> bulan	RM <zz>	RM <cc>	RM <ff>
<b>Kemudahan 3 - Overdraif</b>			
Pembayaran faedah bulanan	Atas Permintaan	Atas Permintaan	Atas Permintaan

**Nota:**

- Untuk kemudahan Overdraif, anda perlu membayar faedah secara bulanan berdasarkan jumlah yang digunakan. Amaun faedah perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jumlah penggunaan kemudahan. Anda mungkin akan diminta untuk membayar semua jumlah prinsipal yang tertunggak sekiranya Bank menarik balik kemudahan tersebut.
- Sekiranya bayaran balik bulanan sepertimana yang telah diperuntukkan dalam jadual di atas belum

bermula, anda dikehendaki membayar kepada Bank faedah (jika ada) secara bulanan dan dihitung berdasarkan Kadar Ditetapkan / Kadar Pinjaman Efektif ke atas jumlah baki tertunggak harian (atau berdasarkan baki bulanan sepertimana yang dinyatakan dan diterima pakai) dari pengeluaran pertama Kemudahan atau bermula dari tarikh yang dimaklumkan oleh Bank secara bertulis.

3. Pihak Bank boleh dari masa ke semasa untuk mengubah ansuran bulanan anda apabila:
  - (i) lanya tidak mencukupi untuk membayar faedah pinjaman; atau
  - (ii) Ansuran untuk bahagian prinsipal adalah kurang daripada 10% daripada jumlah ansuran bulanan; atau
  - (iii) Penyemakan ansuran bulan bulanan anda diperlukan sama ada oleh Bank atau anda.

#### 7. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- **Duti Setem**  
Seperti yang dinyatakan dalam Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989)
- **Fi Guaman**  
Seperti skala yang dinyatakan dalam Peraturan Ganjaran Peguamcara (SRO)
- **Fi Pengeluaran**  
Fi pengeluaran termasuk tetapi tidak terhad kepada fi pendaftaran, fi pencarian, cukai barangan & perkhidmatan dan sebarang cukai-cukai lain atau levi seperti fi yang dicaj oleh pihak berkuasa dan/atau firma guaman berkaitan.
- **Fi Penilaian**  
Seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh (Peraturan 48) daripada fi skala yang ditetapkan oleh Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah Malaysia.
- **Fi Pemprosesan**  
Fi satu kali akan dikenakan untuk pembiayaan yang diluluskan.  
Dalam tempoh ini, semua fi pemprosesan dikecualikan.
- **Fi Pembatalan**  
Fi pembatalan sebanyak RM2,000 akan dikenakan sekiranya kemudahan pembiayaan ini samada penuh atau sebahagian dibatalkan oleh anda sebelum pengeluaran kemudahan atas apa-apa sebab.
- **Fi Lain**  
Fi lain termasuk tetapi tidak terhad kepada bayaran IBG secara online, bayaran IBG melalui ATM, bayaran pemprosesan cek serta fi dan caj lain yang mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan dari semasa ke semasa dengan notis terdahulu.
- **Fi Persediaan**  
Bayaran sekali sebanyak RM200.00 akan dikenakan untuk Pinjaman Perumahan/ Kedai MortgagePlus sahaja.
- **Fi Penyelenggaraan Bulanan**  
Fi Penyelenggaraan Bulanan sebanyak RM10.00 akan dikenakan untuk Pinjaman Perumahan/Kedai MortgagePlus sahaja sepanjang tempoh kemudahan.
- **Fi Perkhidmatan Pengeluaran Semula Bayaran Pendahuluan**  
Fi perkhidmatan yang tidak dapat dikembalikan, sebanyak RM50.00 akan dikenakan apabila melakukan pengeluaran semula bayaran pendahuluan.

**Penting:** Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan.

#### 8. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Caj bayaran lewat pada kadar satu peratus (1%) setahun akan dikenakan ke atas jumlah tunggakan, dari tempoh kegagalan membuat pembayaran sehingga tempoh jumlah tunggakan dibayar (Kedua-duanya sebelum dan juga selepas tuntutan atau penghakiman).
- Sekiranya anda gagal membayar dua (2) bayaran secara kumulatif seperti yang perlu dibayar di bawah Kemudahan sepanjang tempoh Kemudahan, pihak Bank berhak untuk mengubah Kadar Faedah yang akan selepas itu terdiri daripada Faedah Tambahan di atas Kadar Faedah yang ditetapkan ("Kadar Faedah yang Dipinda") berdasarkan kadar harian atau kadar lain yang mungkin dikenakan oleh pihak Bank untuk baki pembiayaan yang belum dijelaskan. Kadar Faedah yang Dipinda dikekalkan walaupun anda mungkin pada bila-bila masa selepas perubahan tersebut telah memulihkan atau menjelaskan tunggakan akaun anda. "Faedah Tambahan" yang akan dikenakan adalah 2.0% setahun.
- Perubahan Kadar Faedah akan dikekalkan walaupun anda mungkin pada bila-bila masa selepas perubahan tersebut telah memulihkan atau menjelaskan tunggakan akaun anda.
- Sekiranya terdapat sebarang bayaran yang tertunggak sama ada prinsipal atau faedah atau sebarang jumlah atau jika pihak Bank menarik balik kemudahan yang sedia ada, faedah tambahan pada kadar satu peratus (1%) setahun di atas Kadar Faedah yang Dipinda akan dikenakan ke atas jumlah tunggakan dari tempoh kegagalan membuat pembayaran sehingga tempoh jumlah tunggakan dibayar (Kedua-duanya sebelum dan juga selepas tuntutan atau penghakiman).
- Pihak Bank mungkin menolak selesai sebarang baki kredit yang terdapat di dalam akaun anda dengan Bank bagi menjelaskan baki tertunggak di dalam akaun pembiayaan ini.
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal memberi tindak balas terhadap notis-notis peringatan. Hartanah anda mungkin akan disita/dilelong dan anda perlu menanggung kos keseluruhannya. Anda juga bertanggungjawab untuk melunaskan sebarang kekurangan hasil jualan selepas hartanah anda dilelong.
- Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin akan menjejaskan penarafan kredit anda dan menyebabkan kredit anda menjadi lebih sukar atau mahal untuk anda.

#### **Penting:**

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pada Terma dan Syarat Utama yang dilampirkan.

#### 9. Bagaimanakah sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pinjaman sebelum tempoh matang?

Tempoh terkunci : <36 atau 60> bulan selepas pengeluaran pinjaman pertama

Penalti penyelesaian awal :

Untuk hartanah kediaman – 3% daripada 90% jumlah had Kemudahan diluluskan untuk 36 bulan pertama selepas pelepasan pertama pinjaman, dan 80% jumlah had Kemudahan diluluskan untuk bulan ke-37 sehingga ke-60 (jika diaplikasi).

Untuk hartanah bukan kediaman – 3% daripada 85% jumlah had Kemudahan diluluskan untuk 36 bulan pertama selepas pelepasan pertama pinjaman, dan 70% jumlah had kemudahan diluluskan untuk bulan ke-37 sehingga ke-60 (jika diaplikasi).

Fi penebusan/ penyelesaian awal yang ditanggung atau bakal ditanggung oleh Bank disebabkan penyelesaian awal yang mungkin meliputi kos dana, kos modal, kos kecairan, kos rizab berkanun, kadar faedah terdiskaun, dan kos lain, serta juga apa-apa fi guaman, duti setem dan/atau fi penilaian yang telah ditanggung di bawah terma Kemudahan.

Fi penebusan/penyelesaian awal kena bayar pada masa penebusan.

#### 10. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan insuran/takaful?

- Mortgage Decreasing Term Assurance (MDTA)/ Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT) adalah opsyen (pilihan) melainkan ia adalah salah satu kriteria promosi seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.
- Walau bagaimanapun anda digalakkan untuk mendapatkan MDTA / MRTT untuk melindungi keluarga anda daripada kehilangan hartanah disebabkan oleh kejadian yang tidak dijangka.

- Sekiranya MRTA/MRTT dibiayai oleh Bank, Bank hanya akan melepaskan sumbangan premium / takaful bersama dengan pelepasan pembiayaan hartanah pembiayaan pertama atau pada bila-bila masa selepas itu mengikut budi bicara multak Bank dan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
  - a) Bank telah menerima surat penerimaan / surat tawaran yang dikeluarkan oleh syarikat insuran / takaful yang diterima oleh Bank;
  - b) Bank tidak menerima apa-apa pemberitahuan daripada syarikat insuran / takaful berkenaan penolakan dan / atau rayuan surat tawaran anda;
  - c) Anda / pihak dilindungi tidak meninggal dunia sebelum pengeluaran pertama pembiayaan; dan
  - d) Sekiranya surat penerimaan / surat tawaran yang dikeluarkan oleh syarikat insuran / takaful berkenaan telah tamat tempoh pada atau sebelum pengeluaran pertama pembiayaan, anda akan menyerahkan borang permohonan baru untuk penilaian dan surat penerimaan / surat tawaran baru yang dikeluarkan oleh syarikat insuran / takaful berkenaan hendaklah anda peroleh.
- Perlindungan MRTA/MRTT akan berkuatkuasa apabila sumbangan premium/takaful penuh (termasuk apa-apa muatan atau yang melebihi sumbangan premium/takaful asal) diterima oleh syarikat insuran / takaful berkenaan.

#### **11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak Bank tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi kami di +603-7626 8899 atau kunjungi mana-mana cawangan di seluruh negara.

#### **12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?**

- Jika anda mempunyai masalah untuk menjelaskan bayaran, anda seharusnya menghubungi pihak kami seawal mungkin bagi membincangkan pembayaran alternatif. Anda boleh menghubungi Pusat Pungutan Pengguna kami di:  
Level 2, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Section 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor  
Tel: +603-7952 3388 Faks: +603-7873 8228  
E-mel: [MCC2@hlbb.hongleong.com.my](mailto:MCC2@hlbb.hongleong.com.my) or [HLBBMPLMORTGAGE@hlbb.hongleong.com.my](mailto:HLBBMPLMORTGAGE@hlbb.hongleong.com.my)
- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu.  
Anda boleh menghubungi AKPK di: Tingkat 8, Maju Junction Mall. 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.  
Tel: +603-2616 7766 E-mel: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:  
Pemulihan Perkhidmatan dan Resolusi Aduan – Pengalaman Pelanggan  
Hong Leong Bank Berhad, 13A Floor, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
Tel : +603-7626 8899 Fax : +603-7946 8888 E-mel : [HLOnline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:HLOnline@hlbb.hongleong.com.my)
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara puas oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-88-5465 Fax: +603-2174 1515 E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

#### **13. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai pinjaman rumah, sila rujuk buku kecil maklumat perbankan mengenai “Pinjaman Rumah” yang boleh diperolehi di semua cawangan kami dan laman web [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my)

#### 14. Lain-lain pakej pinjaman yang disediakan

- Hong Leong Housing Loan
- Hong Leong Mortgage Plus Housing Loan
- Hong Leong Shop Loan
- Hong Leong MortgagePlus Shop Loan
- Hong Leong Special Housing Loan
- Hong Leong Skim Rumah Pertamaku

#### 15. Bagaimanakah saya membayar ansuran bulanan saya?

Pembayaran ansuran bulanan anda boleh dibuat secara mudah dan ringkas melalui:

- Arahan Tetap dari akaun simpanan/semasa Hong Leong Bank/ Hong Leong Islamic Bank anda.
- Perbankan Internet ([www.hongleongconnect.my](http://www.hongleongconnect.my)) atau melalui aplikasi telefon bimbit atau tablet.
- Malaysian Electronic Payment System (MEPS) atau Interbank Giro (IBG)\*

Kaedah pembiayaan alternatif termasuk:

- Pemindahan dana melalui ATM ke akaun pembiayaan anda.
- Pembayaran terus ke akaun pembiayaan anda melalui Mesin Deposit Tunai.
- Pembayaran cek ke akaun pembiayaan anda melalui Mesin Deposit Cek.\*\*
- Pembayaran di kaunter cawangan yang berdekatan.

**Penting:**

\*Bayaran IBG yang dilakukan secara online hanya RM0.00 setiap transaksi manakala bayaran IBG melalui ATM adalah RM0.10 setiap transaksi.

\*\*Mulai 02/01/2015, bayaran pemprosesan cek sebanyak RM0.50 and duti setem sebanyak RM0.15 akan dikenakan ke atas setiap helaian cek.

Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan

**NOTA PENTING : HARTANAH ANDA MUNGKIN DISITA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN KE ATAS PEMBIAYAAN RUMAH / KEDAI ANDA**

Maklumat yang terkandung di dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada <dd/mm/yy>.